

06 SEP 1997

EKRAN SEPATUTNYA TELAH UTUS SURAT KPD ABB, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Ekran Bhd, pengurus projek empangan hidroelektrik Bakun, sepatutnya telah mengutus surat kepada Asea Brown Boveri (ABB) memaklumkan mereka tentang penamatan kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (EPC), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bercakap pada persidangan berita selepas hari kedua perhimpunan agung UMNO di sini, beliau berkata: "Setahu saya, Ekran sepatutnya telah menulis surat kepada mereka."

Perdana Menteri berkata demikian apabila diminta mengulas satu laporan malam tadi yang memetik ketua eksekutif ABB sebagai mendakwa bahawa syarikatnya masih belum dimaklumkan mengenai pembatalan kontrak itu.

"Sama ada mereka menerimanya atau tidak, ia adalah satu perkara lain kepada konsortium ABB-CBPO.

"Saya tahu bahawa Ekran telah mengutus surat kepada mereka untuk memberi penjelasan," tambahnya.

Aspek-aspek tertentu dalam kontrak EPC bernilai RM13.6 bilion itu telah menjadi titik perbalahan antara Ekran dan konsortium itu.

Semalam, Perdana Menteri telah berkata bahawa Ekran berhak untuk menamatkan kontrak EPC itu dan mencari rakan baru.

Projek itu adalah salah satu daripada tiga projek besar yang dikenal pasti oleh kerajaan untuk dilengahkan berikutan ringgit mengalami susut nilai. -- BERNAMA

AD SIA